

SEKITAR STPM

SINDIRAN AZAM

■ **Penghidap saraf kronik pelajar terbaik kategori istimewa**

Harian Metro - 1/3/2019 cm/s 14.




“Pernah satu hari, dia pulang dari sekolah dan memaklumkan kepada saya untuk berhenti sekolah kerana tidak tahan dengan sindiran serta kata negatif daripada rakan sekolah mengenai kekurangan dirinya.

“Alhamdulillah, hari ini segala kesusahan yang dilaluinya membuahkan hasil apabila dia berjaya menerima anugerah pelajar terbaik STPM dan kami sekeluarga sangat berbangga dengan pencapaiannya,” katanya pada Majlis Pengumuman Keputusan STPM 2016 di Hotel Everly, di sini, semalam. Anugerah disampaikan Menteri Pendidikan Datuk Seri Mahdzir Khalid.

Pada majlis itu, seramai 14 calon terbaik daripada 565 calon yang mendapat PNGK 4.00 menerima anugerah masing-masing berdasarkan beberapa kategori termasuk Kategori Luar Bandar, Bandar, Orang Asli dan Pelajar Istimewa.

Jonnata berkata, Khairunnisaq pernah bercita-cita untuk melanjutkan pelajaran ke Universiti Oxford, namun keadaannya kesihatannya tidak mengizinkan.



MAHDZIR Khalid menyampaikan anugerah kepada Khairunnisaq.

Siti A'isyah Sukaimi,
Nursyahirah Marzuki, Nur Izzati
Nadzi dan Norazimah Narudin
am@hmetro.com.my

Putrajaya

Akibat terlalu tertekan dengan sikap rakan, seorang pelajar yang menghidap penyakit saraf kronik pernah berniat berhenti belajar dua bulan sebelum menduduki peperiksaan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) 2016.

Bagaimanapun, selepas diberi galakan dan sokongan oleh guru, ibu bapa serta doktor yang merawatnya,

Khairunnisaq Khairuddin, 20, dari Sekolah Menengah

Kebangsaan (SMK) Bandar Mas Kota Tinggi, Johor membatalkan niat dan meneruskan pelajaran seperti biasa.

Berkat kesabaran semua pihak dan kecekalan, Khairunnisaq mengharungi semua cabaran dan memperoleh keputusan cemerlang dengan Purata Nilai Gred Keseluruhan Nasional (PNGK) 4.00, sekali gus diumumkan sebagai Pelajar Terbaik STPM Kategori Pelajar Istimewa.

Ibunya, Jonnata Kasan, 41 berkata, mereka sekeluarga, guru dan doktor tidak berhenti memberi nasihat, semangat serta sokongan supaya Khairunnisaq tidak berputus asa menyebabkan anak sulung daripada tiga beradik itu bangkit untuk meneruskan perjuangannya.

SENARAI PENERIMA ANUGERAH CEMERLANG SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA (STPM) 2016

Pelajar Terbaik STPM 2016 (Kategori Luar Bandar)

- 1) Mohamad Rozani Mohd Rosli (SMK Bukit Jawa, Pasir Puteh, Kelantan)
- 2) Ngau Hwa Wei (SMK Tengku Sulaiman, Beseri, Perlis)
- 3) Siti Zubaidah Ismail (SMK Bukit Payong, Jerneh, Terengganu)
- 4) Wong Khai Shen (SMK Mentakab, Mentakab, Pahang)
- 5) Siti Zulaikha Hasan (SMK Sungai Choh, Rawang, Selangor)
- 6) Lim Lee Peng (SMK Tunku Putra, Batu Pahat, Johor)
- 7) Gan Meen Myng (SMK Tengku Sulaiman, Beseri, Perlis)

Pelajar Terbaik STPM 2016 (Kategori Bandar)

- 1) Ooi Hong Tek (SMK (L) Methodist, Kuala Lumpur)
- 2) Mohamad Azri Ismail Mohd Yusoff (SMK Sultan Ibrahim (I), Pasir Mas, Kelantan)
- 3) Chow Wai Loon (SMK Dato Syed Ahmad, Kuala Nerang, Kedah)
- 4) Ho Kai Yee (SMK (L) Methodist, Kuala Lumpur)
- 5) Dorin Tang Yu Zheng (SMK Batu Lintang, Kuching, Sarawak)
- 6) Tan Mee Yee (SMK Sulaiman, Bentong, Pahang)
- 7) Ng Xin Ye (SMK Taman Kluang Barat, Kluang, Johor)

Pelajar Terbaik STPM 2016 (Kategori Orang Asli)

- 1) Suraya a/p Sepit (SMK Sulaiman, Bentong, Pahang)

Pelajar Terbaik STPM 2016 (Kategori Pelajar Istimewa)

- 1) Lim Xin Huo (Kolej Tingkatan Enam Pontian, Pontian, Johor)
- 2) Teh Yong Shing (SMK St John, Kuala Lumpur)
- 3) Khairunnisaq Khairuddin (SMK Bandar Mas, Kota Tinggi, Johor)